

09 JAN 1997

Mahathir - Pinjaman

MALAYSIA TIDAK PERLU BUAT PINJAMAN ASING, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 9 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak mempunyai keperluan untuk membuat pinjaman wang dari negara luar kerana bekalan wang dalam pasaran negara sudah mencukupi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak membincangkan soal Malaysia mahu membuat pinjaman semasa berbincang dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Ryutaro Hashimoto, di Kuala Lumpur semalam.

"Kita tidak lagi meminjam dari Jepun. Kita sudah berhenti meminjam kerana masalah nilai mata wang Yen yang kerap meningkat walaupun baru-baru ini kita dapati ia menurun," kata beliau pada persidangan berita selepas majlis perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional Kedah di akhir lawatan sehari ke Kubang Pasu, kawasan parlimen yang diwakilinya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada Malaysia mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pinjaman dari Jepun dalam pertemuannya dengan Hashimoto yang melawat Malaysia selama dua hari. Pemimpin Jepun itu berlepas ke Jakarta hari ini.

Dalam pertemuan sejam di Jabatan Perdana Menteri itu, Dr Mahathir dilaporkan mengemukakan cadangan supaya kumpulan tujuh negara maju (G-7) mengadakan dialog dengan kumpulan negara-negara membangun (G-15) bagi membolehkan pendapat negara membangun dalam pelbagai isu disampaikan terus kepada negara maju.

Ketika ditanya sama ada kerajaan sudah membuat keputusan mengenai anggota Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multi Media (MSC), Dr Mahathir berkata perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat kabinet semalam.

Katnya setakat ini 26 ketua pegawai eksekutif syarikat teknologi maklumat yang ternama di dunia sudah menyatakan kesanggupan untuk menganggotai panel itu.

"Kita telah menjemput ramai ketua eksekutif yang terkemuka dari seluruh dunia dan 26 daripada mereka telah bersetuju untuk menjadi anggota.

"Saya akan berjumpa dengan 22 daripada mereka semasa lawatan ke Amerika Syarikat nanti," katanya.

Dr Mahathir berkata antara mereka adalah dari Microsoft, Microsystem, Acer dan NTT.

Perdana Menteri yang akan berlepas ke Amerika Ahad ini, berkata senarai anggota panel itu akan diumumkan selepas perjumpaannya dengan ketua-ketua eksekutif itu di sana. -- BERNAMA

MZM MFJ MAI